

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 07.11.2025 MASA: 4:00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

PROGRAM BERJALAN KAKI SEMPENA HARI
TONGKAT PUTIH SEDUNIA 2025 ANJURAN BERSAMA
PERTUBUHAN KEBAJIKAN OKU PENGLIHATAN
PRIHATIN (PKOPP)

TARIKH / MASA / TEMPAT

08 NOVEMBER 2025 (SABTU)
7.30 PAGI

TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT, MENARA BANDARAYA
MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Gooi Zi Sen

EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai Mewakili

Datuk Bandar Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Tarmizi Bin Jusuh

Pengerusi Program Berjalan Kaki Sempena Hari Tongkat Putih Sedunia
2025 “Dekati, Sayangi Oku Penglihatan”

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan izin-Nya, kita berhimpun pagi ini dalam suasana yang penuh makna bagi menjayakan **Program Berjalan Kaki Sempena Hari Tongkat Putih Sedunia 2025**, anjuran Bersama **Pertubuhan Kebajikan OKU Penglihatan Prihatin (PKOPP)**.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kepada En. Tarmizi bin Jusuh, selaku Pengerusi Program, barisan urus setia PKOPP, dif-dif jemputan, para peserta serta semua pihak yang hadir menjayakan program ini. Komitmen dan kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan amat kami hargai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Program hari ini dianjurkan sempena Hari Tongkat Putih Sedunia, yang disambut setiap tahun pada 15 Oktober di seluruh dunia sebagai simbol kesedaran dan penghargaan terhadap golongan OKU penglihatan. Di Malaysia khususnya Pulau Pinang, perjuangan

membela nasib warga kurang penglihatan mempunyai sejarah yang panjang.

4. Sejak tahun 1938, Pulau Pinang telah menjadi negeri terawal yang mengiktiraf keperluan OKU penglihatan melalui penubuhan St. Nicholas Home for The Blind di Bagan Jermal. Sehingga hari ini, institusi tersebut terus teguh menjadi tonggak melahirkan komuniti yang berdaya saing dan berdikari.
5. Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut memainkan peranan besar dalam memastikan kebajikan OKU penglihatan terus terbela, antaranya melalui subsidi penuh pengangkutan awam seperti bas Rapid Penang dan perkhidmatan feri. InsyaAllah, dengan pembangunan sistem LRT Pulau Pinang kelak, pergerakan OKU akan menjadi lebih mudah, selesa dan selamat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Sebagai pihak berkuasa tempatan, MBSP komited memperkukuh bandar inklusif dan mesra OKU, sejajar dengan prinsip Bandar Masa Hadapan serta misi Penang2030. Antaranya termasuk:
 - a) Penyediaan laluan *tactile* bagi panduan pergerakan OKU penglihatan; dan
 - b) Perancangan perluasan akses kemudahan mesra OKU di masa hadapan.

7. MBSP juga aktif melaksanakan pembangunan melalui pendekatan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) serta menyelaraskan agenda OKU dalam Pelan Strategik dan Corporate Priorities MBSP. Baru-baru ini, MBSP telah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Kebangsaan Rekayasa NexSUS GRPB 2025 pada 27 Oktober di Bertam Resort, bukti bahawa MBSP konsisten dalam perancangan yang inklusif.
8. Pada tahun 2025, MBSP turut menghasilkan beberapa video berunsurkan kesedaran universal, empati dan pendidikan masyarakat terhadap isu OKU, bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan hak, peluang dan keselamatan komuniti OKU.
9. Di bawah kategori PBT Prihatin, MBSP telah menganjurkan pelbagai program sempena sambutan Hari OKU Kebangsaan, melibatkan warga komuniti, institusi pendidikan dan pertubuhan kebajikan. Usaha ini adalah sebahagian komitmen kami bagi memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan dalam arus pembangunan.
10. Saya berharap program sebegini dapat diteruskan dari tahun ke tahun sebagai wadah membina kefahaman, memupuk empati dan menghapuskan stigma terhadap warga OKU penglihatan. Hari ini

bukan sekadar acara berjalan kaki; tetapi simbol kebersamaan, kesetaraan dan kemanusiaan.

11. Saya juga berharap agar masyarakat Seberang Perai terus memberi ruang dan peluang kepada warga OKU untuk terlibat dalam pekerjaan, aktiviti sosial serta pembangunan komuniti. Golongan OKU bukan beban, bukan kekurangan, tetapi aset masyarakat yang unik dan harus diraikan.
12. Dengan lafaz ***Bismillahir Rahmanir Rahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Berjalan Kaki Sempena Hari Tongkat Putih Sedunia 2025**, anjuran bersama Pertubuhan Kebajikan OKU Penglihatan Prihatin

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.